

Pengurusan Air Pahang Berhad

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 17 MEI, 2022 (SELASA)
MEDIA : KOSMO
BAHAGIAN : NEGARA
MUKA SURAT : 16

Penduduk Mukim Endau mahu isu air diselesaikan segera

'Hendak ambik wuduk pun susah'

Oleh ABUL RASHID
ABDUL RAHMAN

ROMPIN - Penduduk empat kampung di mukim Endau di sini dibelenggu masalah air sejak lebih 10 tahun sehingga menyukarkan mereka hendak berwuduk, mandi dan memasak.

Harapan mereka tertiadap pembinaan kemudahan tangki air bagaikan indah khobar dari rupa kerana isu bekalan air itu tidak juga selesai malah menjadi lebih teruk.

Difahamkan antara kampung yang terlibat ialah Kampung Kasing, Kampung Setajam, Kampung Kurda dan Kampung Ptiang.

Seorang penduduk Kampung Kasing, Hasnah Bakar, 58, berkata, ketiadaan air berterusan sejak penghujung Ramadan lalu sehingga kini merupakan 'azab' paling teruk dialami penduduk kerana mengganggu aktiviti harian mereka termasuk dalam menunaikan solat lima waktu.

"Kami menderita, sampai tidak dapat sembahyang, itu be-



PENDUDUK kampung mengadakan demonstrasi aman mereka agar masalah bekalan air bersih sejak sekian lama dapat ditatasi segera di Kampung Kasing di Rompin semalam.

lum dikira urusan harian lagi, kalau chulu dua hari sekali ada air waktu malam bolehlah simpan tetapi sejak hujung Ramadan sampai sekarang masalah air tiada kesudahan.

"Pernah sekali ada pihak hantar air yang berwarna merah dan kami guras untuk mandi sehingga gatal-gatal badan dan terpaksa pergi ke stesen minyak untuk mandi semula," katanya ketika

ditemui di Kampung Kasing di sini semalam.

Menurutnya, pada masa ini aktiviti harian mereka terganggu seperti banyak pakatan yang masih belum dapat dicuci me-

mandangkan air yang ada distirpan untuk diminum atau digunakan bagi memasak.

Katanya, pada masa ini juga ramai penduduk terpaksa ke stesen minyak berhampiran untuk mandi dan membeli air mineral untuk minum dan memasak.

Dalam pada itu, seorang penduduk Norhafidz Abd. Rahman, 34, berkata, masalah ketiadaan air menyebabkan dia dan keluarganya terpaksa menggunakan air perigi untuk mandi.

Katanya, walaupun air perigi digunakan keruh sehingga menyebabkan kegatalan pada badan dia bersama suami dan anak yang berumur tiga hingga sembilan tahun tiada pilihan lain.

"Saya bukannya orang senang dan saya juga tidak mampu beli pam air untuk menyedut air, jadi inilah sahaja alternatif yang ada untuk kegunaan harian," katanya.

Ujarnya, maklum balas daripada Pengurusan Air Pahang mengatakan kawasan itu merupakan tekanan rendah menyebabkan gangguan bekalan air.

Selesai segera isu air demi rakyat


ROMPIN - Kerajaan negeri memandang serius isu masalah bekalan air di negeri dan usaha giat dilakukan bagi mengatasi masalah itu agar penduduk dapat menikmati bekalan air bersih.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tioman, Datuk Seri Mohd. Johari Hussain berkata, beliau sendiri telah membawa permasalahan itu ke peringkat tindakan kerajaan negeri dan dibincangkan bersama pihak Pengurusan Air Pahang (Paip) bagi mencari penyelesaian segera.

"Perkara ini mendapat perhatian khusus daripada Menteri Besar sendiri yang turun padang bersama Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang bagi mencari jalan penyelesaian terutama kawasan 'blackspot' di daerah Rompin ini.

"Sebanyak RM43 juta diperuntukkan untuk tujuan atasi permasalahan kawasan 'blackspots' Rompin dan projek-projek ini akan dijangkau segera dan akan melibatkan perjumpaan dengan pemimpin setempat," katanya di sini semalam.

Mengulas mengenai masalah bekalan air di Mukim Endau di sini beliau berkata, perkara itu dibert perhatian yang mana be-



SEORANG penduduk menunjukkan tangki air yang siap tetapi hanya menjadi gajah putih apabila tidak dapat digunakan di Kampung Kasing di Rompin semalam.

liau telah dua kali mengadakan perjumpaan dengan pihak terbahit baru-baru ini bagi mengatasi masalah itu.

Ujarnya, beliau juga telah mempengerusikan perbincangan mengenai masalah tangki air yang tidak dapat berfungsi. Pihak Paip telah membuat pembentangan kos kira-kira RM12 juta bagi membina pam untuk menaikkan air ke tangki baharu itu.

Dalam pada itu beliau berka-

ta, antara rancangan yang akan dilaksanakan bagi mengatasi masalah bekalan air bersih di daerah ini adalah pembinaan tangki sedutan dan rumah pam yang baharu.

Kata Mohd Johari, pemasangan paip merentasi Lambatan Anak Endau adalah antara skop yang dipersetujui dalam menambah baik sistem bekalan air di Kawasan Tanjung Gemuk dan sekitar.